

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2026, Vol 9, Bil 1, Halaman 49-64

Tahap Penghayatan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA): Satu Kajian Rintis

[Level of Quranic Internalization among Tahfiz Students of the Ulul Albab Model (TMUA): A Pilot Study]

Nur Wadihah Mohd Asri¹, Sharifah Noorhidayah Syed Aziz² & Rohana Zakaria³

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), 43650, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

² Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), 43650, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

³ Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), 43650, Bandar Seri Putra, Kajang, Selangor.

* Corresponding Author: Nur Wadihah binti Mohd Asri. Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS), 43600, Malaysia, 24mt07002@postgrad.uis.edu.my

Artikel dihantar: 7 Mei 2026

Artikel diterima: 22 Jun 2026

Artikel diterbit: 30 Jun 2026

ABSTRACT

The current implementation of the tahfiz curriculum, which emphasizes fluency in Quranic recitation, needs to be strengthened by incorporating aspects of understanding the meanings of verses, as well as improving the quality and methods of memorization to enhance the level of Quranic appreciation among students. A balanced approach that integrates recitation skills, comprehension of Quranic meanings, and the enhancement of memorization quality and techniques can encourage students to internalize the contents of the Qur'an more holistically. This study was conducted to identify the level of Quranic appreciation among students of the Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). A quantitative approach was employed, using a survey research design with a questionnaire as the main instrument. The questionnaire focused on items related to the quality and methods of memorization practiced by TMUA students. A total of 127 tahfiz students from Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Nilai were involved in this pilot study, which aimed to assess the reliability of the research instrument. Descriptive data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 31 to obtain frequencies, percentages, means, and standard deviations for each item. The reliability of the questionnaire was high, with a Cronbach's Alpha value of 0.945, indicating that the instrument was consistent and reliable. The descriptive analysis revealed that the level of Quranic appreciation among TMUA students was high, with an overall mean score ($M = 4.24$) and standard deviation ($SD = 0.39$). This encompasses aspects such as emotional, spiritual, intentional (niyyah), etiquette (adab), religious practices, memorization strategies, the benefits of memorization, learning environment, and time management. However, several aspects—namely memorization timing, self-reinforcement, and the practice of revision (murajaah) during tahajjud prayer—were found to be at a moderate level, with mean values ranging from 3.22 to 3.48 and

standard deviations between 1.13 and 1.30. Meanwhile, one aspect, namely the memorization environment, was at a low level, with a mean value of 2.58 and a standard deviation of 1.29. Therefore, students are expected to understand the Quranic verses as a guide for life that shapes personality, discipline, responsibility, and spiritual well-being, in line with the objectives of tahfiz education in Malaysia.

Keywords

Quranic Appreciation, Tahfiz Students, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), Pilot Study

How to Cite: Mohd Asri, N. W., Syed Aziz, S. N., & Zakaria, R. (2026). Tahap Penghayatan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA): Satu Kajian Rintis . *QIRAAT Jurnal Al-Quran Dan Isi-Isu Kontemporari*, 9(1), 49-64.

DOI: <https://doi.org/10.53840/51g4fy57>

ABSTRAK

Pelaksanaan kurikulum tahfiz kini yang menekankan kelancaran bacaan al-Quran perlu diperkukuh dengan aspek pemahaman makna ayat, kualiti serta kaedah hafazan bagi meningkatkan tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar. Pendekatan yang seimbang antara kemahiran bacaan, pemahaman makna ayat al-Quran dan pemerkasaan kualiti serta kaedah hafazan berupaya mendorong pelajar untuk lebih menghayati kandungan al-Quran secara menyeluruh. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Reka bentuk kajian ialah kajian tinjauan yang menggunakan borang soal selidik. Soal selidik dibina dengan memberi tumpuan terhadap soalan-soalan berkaitan kualiti dan kaedah hafazan yang digunakan bagi pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Seramai 127 orang pelajar tahfiz dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Nilai terlibat dalam kajian rintis ini. Kajian rintis dijalankan bagi menilai tahap kebolehppercayaan instrumen kajian yang digunakan. Data deskriptif dianalisis dengan menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 31 bagi melihat kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi setiap item soalan. Tahap kebolehppercayaan soal selidik adalah tinggi dengan nilai Cronbach Alpha sebanyak 0.945 yang menunjukkan instrumen kajian adalah konsisten dan dipercayai. Analisis deskriptif menunjukkan tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar TMUA berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan ($M = 4.24$) dan sisihan piawai ($SP = 0.39$) merangkumi aspek emosi, spiritual, niat, adab, amalan ibadah, strategi hafazan, kelebihan menghafaz, persekitaran pembelajaran dan pengurusan masa. Namun, beberapa aspek lain iaitu waktu hafazan, pengukuhan sendiri dan amalan murajaah dalam solat tahajjud berada pada tahap sederhana iaitu nilai min ($M = 3.22$ hingga 3.48) dan sisihan piawai ($SP = 1.3$ hingga 1.13). Manakala, satu item iaitu aspek tempat hafazan menunjukkan tahap rendah dengan nilai min ($M = 2.58$) dan sisihan piawai ($SP = 1.29$). Justeru, pelajar diharapkan dapat memahami ayat al-Quran sebagai panduan hidup yang membentuk keperibadian, disiplin, tanggungjawab dan kesejahteraan rohani, sejajar dengan matlamat pendidikan tahfiz di Malaysia.

Kata Kunci:

Penghayatan al-Quran, Pelajar Tahfiz, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA), Kajian Rintis

How to Cite: Tahap Penghayatan al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA): Satu Kajian Rintis . (n.d.). *QIRAAT Jurnal Al-Quran Dan Isi-Isu Kontemporari*.

DOI: <https://doi.org/10.53840/51g4fy57>

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran al-Karim merupakan wahyu Allah SWT yang menjadi sumber utama panduan hidup umat Islam merangkumi aspek akidah, ibadah, akhlak dan muamalat. Penghayatan al-Quran tidak terbatas kepada aktiviti membaca dan menghafaz semata-mata, malah menuntut kefahaman makna, *tadabbur* serta pengamalan nilai-nilai al-Quran dalam kehidupan seharian. Para ulama' terdahulu menegaskan bahawa penghayatan al-Quran yang sebenar berlaku apabila interaksi seseorang individu dengan al-Quran mampu membentuk pemikiran, emosi dan tingkah laku selari dengan kehendak syariat (Rohana et al., 2020; Hasbullah et al., 2020). Dalam konteks pendidikan Islam, penghayatan al-Quran dilihat sebagai elemen



teras dalam pembinaan insan seimbang yang bukan sahaja cemerlang dari sudut kognitif, tetapi juga mantap dari aspek rohani dan sahsiah.

Walaupun matlamat pendidikan tahfiz adalah bersifat menyeluruh, kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pelaksanaan pendidikan tahfiz masih berdepan dengan cabaran dalam aspek penghayatan al-Quran. Penekanan yang lebih berat terhadap kuantiti hafazan, kelancaran bacaan dan pencapaian akademik menyebabkan aspek kefahaman makna ayat, *tadabbur* serta penghayatan nilai al-Quran kurang diberikan perhatian yang sewajarnya. Akibatnya, sebahagian pelajar tahfiz, termasuk pelajar TMUA, berupaya menghafaz al-Quran dengan baik namun kurang memahami maksud dan pengajaran ayat-ayat yang dihafaz (Fakhrudin et al., 2020; Mohd Hakim, 2021; Mohd Nawi & Mohd Nor, 2020). Situasi ini menimbulkan persoalan tentang tahap sebenar penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA.

Kelemahan dalam penghayatan al-Quran berpotensi memberi implikasi negatif terhadap pembentukan sahsiah pelajar tahfiz. Al-Quran menekankan nilai-nilai murni seperti kejujuran, disiplin, amanah, kasih sayang dan tanggungjawab sosial, yang sepatutnya terpancar dalam tingkah laku pelajar tahfiz. Namun, beberapa kajian terkini melaporkan bahawa peningkatan bilangan pelajar tahfiz tidak selari dengan peningkatan kualiti sahsiah, malah terdapat kes-kes salah laku disiplin dan gejala sosial yang melibatkan pelajar tahfiz (Nur Hanisah, 2021; Sharifah Noorhidayah, 2022; Nor Anisa et al., 2022). Fenomena ini menunjukkan bahawa hafazan al-Quran tanpa penghayatan yang mendalam tidak semestinya menjamin pembentukan sahsiah mulia sebagaimana yang diharapkan.

Tumpuan bagi kajian sebelum ini kurang membincangkan aspek penghayatan al-Quran secara meluas dalam bidang pendidikan Islam, namun ia dibincangkan dengan fokus dan pendekatan yang berbeza-beza. Secara umumnya, penghayatan al-Quran sering diuraikan sebagai proses berperingkat yang merangkumi bacaan (tilawah), hafazan, kefahaman makna, *tadabbur* serta pengamalan dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Rohana et al. (2020) dan Hasbullah et al. (2020) menegaskan bahawa interaksi yang berkesan dengan al-Quran hanya berlaku apabila pelajar bukan sahaja menguasai bacaan dan hafazan, malah mampu memahami serta menginternalisasikan mesej ayat-ayat al-Quran dalam tingkah laku harian. Namun demikian, kebanyakan kajian awal lebih bersifat konseptual dan normatif, tanpa disokong oleh pengukuran empirikal yang sistematik.

Dalam konteks pendidikan tahfiz, sebahagian besar kajian lepas lebih tertumpu kepada aspek kaedah hafazan, teknik pengajaran, dan pengurusan kurikulum tahfiz. Kajian oleh Fakhrudin et al. (2020) dan Mohd Faizulamri (2020) mendapati bahawa keberkesanan pendidikan tahfiz sering diukur berdasarkan kelancaran bacaan, bilangan juzuk yang dihafaz serta pencapaian akademik pelajar. Penekanan ini secara tidak langsung menyebabkan aspek kefahaman ayat dan *tadabbur* al-Quran kurang diberikan perhatian dalam pelaksanaan kurikulum. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh aspek penghayatan al-Quran dan sahsiah pelajar secara umum, kajian empirikal yang mengukur tahap penghayatan al-Quran secara khusus serta hubungannya dengan pembentukan sahsiah pelajar tahfiz TMUA masih terhad. Tambahan pula, instrumen pengukuran penghayatan al-Quran yang komprehensif dan berasaskan konteks TMUA masih kurang dibangunkan dan diuji secara sistematik (Fakhrudin et al., 2020; Mohd Faizulamri, 2020; Sharifah Noorhidayah et al., 2022).

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia secara menyeluruh dan empirikal. Kajian ini bertujuan menilai penghayatan al-Quran daripada aspek bacaan, kefahaman, *tadabbur* dan pengamalan sahsiah dalam kehidupan pelajar. Dapatan kajian diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar tentang kekuatan dan kelemahan penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar TMUA, seterusnya menjadi asas kepada penambahbaikan dasar, kurikulum dan amalan pedagogi pendidikan tahfiz. Secara tidak langsung, kajian ini menyumbang kepada usaha melahirkan generasi pelajar tahfiz yang bukan sahaja cemerlang dalam hafazan, tetapi juga memiliki sahsiah unggul selari dengan aspirasi pendidikan Islam dan pembangunan modal insan negara.

Kajian ini mengandungi empat bahagian. Pertama, ia mengkaji kajian literatur yang berkaitan tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia. Kemudian, dinyatakan juga berkenaan metodologi kajian yang diaplikasikan dalam kajian. Seterusnya, dapatan kajian turut dibincangkan dan dirumuskan. Akhir sekali, ia diakhiri dengan perbincangan tentang keseluruhan implikasi, kesimpulan serta kajian lanjutan yang sewajarnya dilaksanakan bagi meneruskan penyelidikan berkaitan tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Sorotan kajian dari tahun 2018 hingga 2024 menunjukkan bahawa konsep penghayatan al-Quran telah dibincangkan dalam pelbagai dimensi merangkumi pedagogi, amalan hafazan, kefahaman makna dan pembangunan spiritual. Kajian oleh Awang Japilan et al. (2024) memperlihatkan perkembangan signifikan dalam pendekatan pengajaran tilawah al-Quran melalui penerapan pedagogi terbeza yang lebih berpusatkan pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pembelajaran, malah menyumbang kepada penglibatan aktif pelajar dalam proses pembelajaran al-Quran. Walau bagaimanapun, kajian tersebut lebih menekankan aspek pedagogi dan pencapaian pembelajaran, tanpa mengukur secara langsung tahap penghayatan al-Quran sebagai satu konstruk multidimensi.

Selain aspek pedagogi, kajian lepas turut meneliti amalan murajaah sebagai komponen penting dalam penghayatan al-Quran. Kajian oleh Nurul Hafni et al. (2023) membuktikan bahawa penguasaan amalan murajaah yang konsisten memberi kesan positif terhadap kualiti dan ketahanan hafazan al-Quran. Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa penghayatan terhadap hafazan bukan sahaja bergantung kepada kebolehan mengingat, tetapi juga kepada disiplin dan komitmen pelajar dalam menjaga hafazan. Namun demikian, skop kajian yang tertumpu kepada pelajar universiti menghadkan kebolehgunaan dapatan dalam konteks pelajar tahfiz peringkat sekolah seperti TMUA, yang mempunyai latar pembelajaran dan tekanan akademik yang berbeza.

Kajian oleh Wan Azman et al. (2022) memperluaskan perbincangan penghayatan al-Quran dengan menekankan aspek bunyi dan makna al-Quran sebagai asas kepada pembangunan spiritual. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penghayatan terhadap bacaan dan pemahaman makna al-Quran berupaya meningkatkan kecerdasan spiritual, kestabilan emosi dan pembentukan akhlak individu. Pendekatan ini menegaskan kepentingan *tadabbur* dan tafakkur sebagai elemen utama dalam penghayatan al-Quran. Walau bagaimanapun, kajian ini dilaksanakan dalam konteks terapi dan pembangunan spiritual secara umum, dan bukan dalam persekitaran formal pendidikan tahfiz yang mempunyai struktur kurikulum yang khusus.

Seterusnya, kajian oleh Rohana Zakaria et al. (2020) dan Saiful & Mukti (2020) menegaskan bahawa penghayatan al-Quran perlu diterapkan secara sistematik dan berperingkat sejak peringkat awal pendidikan. Rohana Zakaria et al. (2020) mendapati bahawa penerapan elemen *tadabbur* dalam kalangan pelajar tahfiz berada pada tahap sederhana tinggi, namun masih memerlukan penambahbaikan dari segi kaedah pelaksanaan dan sokongan institusi. Manakala Saiful & Mukti (2020) menekankan bahawa penghayatan al-Quran yang diterapkan sejak peringkat awal kanak-kanak berupaya membentuk asas rohani dan akhlak yang kukuh. Namun, kedua-dua kajian ini tidak mengaitkan secara langsung tahap penghayatan al-Quran dengan pembentukan sahsiah pelajar secara empirikal.

Dalam konteks pendidikan tahfiz, kajian oleh Sharifah Noorhidayah et al. (2022) menegaskan bahawa pembentukan sahsiah pelajar tahfiz dipengaruhi oleh sokongan ibu bapa, bimbingan guru, persekitaran serta penglibatan dalam aktiviti kerohanian. Kajian ini memperlihatkan bahawa penghayatan agama memainkan peranan penting dalam memperkukuh sahsiah pelajar tahfiz. Namun demikian, kajian tersebut tidak memfokuskan secara khusus kepada penghayatan al-Quran sebagai elemen utama dalam pembentukan sahsiah, sebaliknya menilai penghayatan agama secara umum. Kajian lanjutan oleh Sharifah Noorhidayah et al. (2022) yang meneliti peranan penghayatan agama sebagai pengantara antara kecemerlangan hafazan dan sahsiah pelajar mendapati bahawa penghayatan agama berfungsi sebagai mekanisme penghubung yang signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecemerlangan hafazan al-Quran perlu disertai dengan penghayatan agama yang mendalam bagi memastikan pembentukan sahsiah yang unggul. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memerincikan elemen khusus penghayatan al-Quran, seperti kefahaman ayat, *tadabbur* dan pengamalan, yang perlu diteliti secara lebih mendalam dalam konteks pelajar TMUA.



Secara keseluruhannya, sorotan kajian lepas menunjukkan bahawa penghayatan al-Quran merupakan konstruk penting yang telah dikaji dalam pelbagai konteks pendidikan. Namun, kajian empirikal yang menghuraikan tahap penghayatan al-Quran secara khusus adalah masih terhad terutamanya dalam konteks pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia. Kebanyakan kajian hanya memfokuskan kepada aspek tertentu seperti pedagogi, hafazan, kurikulum atau faktor persekitaran tanpa menilai secara komprehensif tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar. Justeru, terdapat keperluan yang sewajarnya untuk melaksanakan kajian yang meneliti secara sistematik tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA di Malaysia bagi mengisi jurang pengetahuan dan menyumbang kepada pengukuhan teori serta amalan pendidikan tahfiz secara holistik.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif iaitu:

- i. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

4.0 METODOLOGI KAJIAN

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan penyelidikan berbentuk kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan (*survey design*). Kajian tinjauan yang digunakan dalam kajian ini dipilih atas kerana ia bersesuaian untuk mengkaji tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab di Malaysia.

4.2 Lokasi Kajian

Lokasi bagi kajian ini dilaksanakan adalah di sebuah sekolah Tahfiz Model Ulul Albab iaitu Sekolah Menengah Agama Nilai. Pemilihan sekolah ini dibuat kerana ia memenuhi kriteria jenis sekolah TMUA yang diperlukan dalam melaksanakan kajian rintis, sekali gus memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA di Malaysia.

4.3 Sampel Kajian

Pada kebiasaannya, bilangan sampel kajian rintis tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Untuk menjalankan kajian rintis, Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 orang sahaja. Manakala, saiz sampel bagi kajian rintis sewajarnya adalah perlu lebih besar bagi memberikan anggaran statistik yang stabil terutamanya dalam pembangunan instrumen. Oleh itu, dalam kajian rintis ini seramai 127 orang pelajar tingkatan satu hingga empat dipilih sebagai responden kajian. Para pelajar tersebut terdiri daripada 87 orang pelajar lelaki dan 40 orang pelajar perempuan dari salah sebuah Sekolah Menengah Agama Nilai. Responden kajian rintis ini telah dipilih oleh pihak sekolah dengan menetapkan beberapa orang pelajar lelaki dan perempuan daripada kelas yang berbeza. Dengan menjalankan kajian rintis terhadap sebilangan responden dalam populasi yang mempunyai ciri persamaan dengan sampel sebenar kajian, gambaran awal mengenai dapatan kajian yang bakal diperoleh setelah menjalankan kajian sebenar dapat dianggarkan.

4.4 Instrumen Kajian

Soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian utama. Bahagian A merupakan demografi responden yang mengandungi dua bahagian. Pada bahagian I, responden perlu menandakan (✓) pada ruang kotak yang telah disediakan. Item pada bahagian ini mempunyai tiga item berkaitan demografi pelajar tahfiz seperti (i) jantina (ii) umur

(iii) tempat tinggal yang menghafaz al-Quran. Manakala, bahagian II adalah berkaitan latar belakang hafazan seperti (i) Jumlah juzuk yang telah dihafaz (ii) Tempoh masa peruntukan hafazan (iii) Bilangan tahun berada di sekolah TMUA (iv) Gred dan peratus ujian pencapaian hafazan yang terkini.

Bahagian B dalam soal selidik ini mengukur penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA di Malaysia. Soal selidik tersebut terdiri daripada 63 item soal selidik. Tahap penghayatan al-Quran ini dinilai berdasarkan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada kajian Syuhada (2023) dan Kamaruzaman (2009), seperti yang diringkaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Skala min yang digunakan

Skor Min	Tahap
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Syuhada (2023), Kamaruzaman (2009)

4.5 Kajian Rintis

Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memastikan kebolehpercayaan instrumen kajian yang digunakan (Sharifah Noorhidayah, 2022). Kajian rintis juga membantu memperkemas item-item yang dibangunkan agar ia lebih jelas, tepat, mudah difahami dan mencapai maksud yang dikehendaki. Frederick et al. (2011) menyatakan kajian rintis dilakukan bertujuan untuk memastikan bahasa dan struktur ayat yang digunakan dalam soal selidik boleh difahami, menepati pengalaman responden dan memastikan item-item yang dikemukakan di dalam soal selidik dapat menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh pengkaji. Pelaksanaan kajian rintis di dalam kajian juga adalah untuk mendapatkan kebolehpercayaan kandungan soal selidik, kerana menurut Noraini (2013), sesuatu instrumen boleh dipercayai jika alat kajian tersebut memberi dapatan yang konsisten setiap kali pengukuran dibuat.

Kebolehpercayaan instrumen kajian diukur dengan menggunakan alpha Cronbach. Kaedah alpha Cronbach merupakan kaedah terbaik untuk menguji konsisten setiap item dalam sesuatu skala (Takavol, M & Dennick, 2011). Item yang konsisten dalam sesuatu skala pengukuran menjadikan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai alpha yang terbaik adalah di antara 0.7 hingga 0.95 (Nunnally & Bernstein, 1994). Kebolehpercayaan merujuk kepada ketepatan, ketekalan dan kestabilan alat ukuran yang digunakan dalam sesuatu kajian Fatimah Wati (2012); Anastasi (1982). Menurut Anastasi (1982), nilai pekali kebolehpercayaan yang memuaskan adalah di antara 0.80 hingga 0.90. Manakala, Kaplan dan Saccuzzo (2001) mencadangkan nilai pekali kebolehpercayaan 0.70 hingga 0.80 adalah nilai yang baik untuk penyelidikan. Kajian rintis ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha sebanyak 0.945 terhadap 63 item. Oleh itu, ia mencerminkan tahap kebolehpercayaan yang baik dan dipercayai. Ini membuktikan bahawa item dalam soal selidik adalah sesuai dan sesuai digunakan untuk proses pengumpulan data dalam kajian ini.

4.6 Analisis Kajian

Dalam konteks kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan min dan sisihan piawai bagi tahap penghayatan al-Quran kalangan pelajar tahfiz TMUA. Selain itu, kajian ini dianalisis secara deskriptif untuk menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku, menerokai sesuatu bidang dan bermatlamat untuk menguji kebenaran hipotesis (Konting, 1998). Tujuan statistik deskriptif juga adalah untuk menyatakan ciri-ciri sampel dan memberi indikator atau gambaran terhadap ciri-ciri sampel yang diambil mewakili populasi (Talib, 2016). Statistik deskriptif digunakan untuk memerihalkan taburan responden dalam bentuk peratusan, kekerapan, min dan sisihan piawai seperti yang terdapat dalam objektif kajian yang pertama.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis Demografi Responden Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil analisis soal selidik yang berkaitan dengan demografi responden kajian, khususnya mengenai tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia. Terdapat seramai 127 orang pelajar tahfiz dari Sekolah Menengah Agama Nilai telah memberikan maklum balas



terhadap soal selidik yang diedarkan. Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti jantina, kumpulan umur, jumlah juzuk hafazan al-Quran, peruntukan masa hafazan, bilangan tahun di sekolah, gred dan peratus ujian. Analisis terperinci mengenai demografi responden ini ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Analisis Demografi Responden Kajian

Item	Kategori	Kekerapan N=127	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	70	55.1
	Perempuan	57	44.9
Umur	13 tahun	30	23.6
	14 tahun	45	35.4
	15 tahun	30	23.6
	16 tahun	22	17.3
Tempat Tinggal	Bandar	102	80.3
	Bandaraya	3	2.4
	Luar Bandar	19	15.0
	Pedalaman	3	2.4
Jumlah Juzuk Hafazan al-Quran	1 hingga 5 juz	23	18.1
	6 hingga 10 juz	23	18.1
	11 hingga 15 juz	31	24.3
	16 hingga 20 juz	15	11.8
	21 hingga 25 juz	21	16.7
	26 hingga 30 juz	14	11.0
Peruntukan Masa Hafazan	1 hingga 2 jam	33	26.0
	2 hingga 3 jam	34	26.8
	3 hingga 4 jam	48	37.8
	4 hingga 5 jam	9	7.1
	5 hingga 6 jam	1	0.8
	6 hingga 7 jam	2	1.6
Bilangan Tahun di Sekolah	1 tahun	49	38.6
	2 tahun	32	25.2
	3 tahun	33	26.0
	4 tahun	13	10.2
Gred Ujian	A	74	58.3
	B	35	27.6
	C	11	8.7
	D	5	3.9
	E	1	0.8
	F	1	0.8
Peratus Ujian	82 hingga 100	70	56.0
	66 hingga 81	39	31.2
	50 hingga 65	11	8.8
	35 hingga 49	5	4.0
	20 hingga 34	1	0.8
	0 hingga 19	1	0.8

Kajian ini menekankan lapan kategori utama iaitu jantina, kumpulan umur, jumlah juzuk hafazan al-Quran, peruntukan masa hafazan, bilangan tahun di sekolah, gred dan peratus ujian dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA di SMA Nilai. Berdasarkan analisis yang ditunjukkan dalam Jadual 2, didapati bahawa dari segi jantina, seramai 70 orang (55.1%) ialah pelajar lelaki manakala 57 orang (44.9%) ialah pelajar perempuan. Agihan ini menunjukkan perbezaan yang tidak terlalu ketara antara kedua-dua jantina, sekali gus menggambarkan penyertaan yang relatif seimbang dalam kalangan pelajar tahfiz. Keseimbangan ini penting bagi memastikan dapatan kajian berkaitan tahap penghayatan al-Quran dapat mewakili kedua-dua kumpulan jantina tanpa kecenderungan yang dominan kepada satu pihak tertentu.

Sehubungan itu, dari aspek kumpulan umur, hasil analisis menunjukkan majoriti responden berumur 14 tahun iaitu seramai 45 orang (35.4%), diikuti oleh pelajar berumur 13 dan 15 tahun masing-masing seramai 30 orang (23.6%). Pelajar berumur 16 tahun pula mencatatkan jumlah yang paling rendah iaitu 22 orang (17.3%). Taburan umur ini memperlihatkan bahawa kebanyakan responden berada pada peringkat awal hingga pertengahan remaja, iaitu fasa perkembangan yang kritikal dalam pembentukan kognitif, emosi dan spiritual. Pada peringkat ini, pelajar lazimnya lebih mudah dibentuk dari segi penghayatan nilai al-Quran selari dengan proses penghafazan yang sedang giat dijalankan.

Dari segi latar tempat tinggal, majoriti pelajar berasal dari kawasan bandar iaitu seramai 102 orang (80.3%), manakala selebihnya datang dari luar bandar (15.0%), bandaraya (2.4%) dan pedalaman (2.4%). Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden mempunyai latar persekitaran tempat tinggal yang lebih hampir dengan kemudahan pendidikan dan prasarana sokongan pembelajaran. Faktor persekitaran ini berpotensi mempengaruhi peluang pelajar untuk mengikuti program tahfiz secara sistematik serta mendapatkan sokongan akademik dan kerohanian yang berterusan, walaupun kepelbagaian latar kawasan kediaman tetap menyumbang kepada variasi pengalaman pembelajaran dalam kajian ini.

Kemudian, analisis terhadap ciri berkaitan hafazan al-Quran dan peruntukan masa hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz. Dari segi jumlah juzuk hafazan, kumpulan tertinggi ialah pelajar yang telah menghafaz 11 hingga 15 juzuk iaitu seramai 31 orang (24.3%), diikuti oleh 1 hingga 5 juzuk serta 6 hingga 10 juzuk masing-masing (18.1%). Terdapat juga pelajar yang telah mencapai hafazan tinggi antara 21 hingga 30 juz, yang mencatatkan nilai sebanyak (27.7%). Dari aspek peruntukan masa hafazan pula, majoriti responden memperuntukkan antara 3 hingga 4 jam sehari (37.8%), diikuti oleh 2 hingga 3 jam (26.8%) dan 1 hingga 2 jam (26.0%). Dapatan ini menunjukkan tahap komitmen yang berbeza-beza terhadap hafazan al-Quran, yang berpotensi mempengaruhi kedalaman penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar.

Akhir sekali, dari sudut bilangan tahun berada di sekolah dan prestasi akademik, majoriti responden telah berada di sekolah antara satu hingga tiga tahun, dengan (38.6%) merupakan pelajar tahun pertama. Dari segi pencapaian ujian, sebahagian besar pelajar memperoleh gred A (58.3%) dan B (27.6%), manakala lebih separuh responden mencatatkan peratus ujian antara 82 hingga 100. Dapatan ini menggambarkan tahap pencapaian akademik yang tinggi dalam kalangan pelajar TMUA, sekali gus menunjukkan keseimbangan antara kecemerlangan akademik dan penguasaan hafazan al-Quran. Secara keseluruhan, profil demografi ini mencerminkan responden yang mempunyai latar belakang pembelajaran yang kondusif, komitmen masa yang baik serta pencapaian akademik yang memberangsangkan, yang kesemuanya menjadi faktor penting dalam menilai dan mentafsir tahap penghayatan al-Quran dalam kajian ini.

5.1 Tahap Penghayatan al-Quran dalam kalangan Pelajar TMUA

Dapatan analisis menunjukkan bahawa item-item yang mencatatkan tahap penghayatan al-Quran yang sangat tinggi tertumpu pada dimensi emosi dan spiritual dalaman pelajar. Terdapat tiga item yang mencatatkan nilai skor min yang sangat tinggi. Antaranya adalah bagi item B63 iaitu perasaan bersyukur kerana dapat menghafaz al-Quran ($M = 4.94$), manakala, item B62 adalah berasa tenang apabila membaca dan mendengar al-Quran ($M = 4.89$), serta item B60 iaitu berasa cinta kepada al-Quran selepas menghafaznya ($M = 4.83$). Ini menunjukkan bahawa penghayatan al-Quran berperanan sebagai sumber ketenangan jiwa dan pembentukan sahsiah dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA. Keadaan ini membuktikan tahap penghayatan yang bukan sekadar bersifat ritual, malah melibatkan penghayatan al-Quran yang menjadi asas kepada pembentukan hubungan rohani yang mendalam dengan kalam Allah.

Jadual 3 Tahap Penghayatan al-Quran dalam kalangan Pelajar TMUA (N=127)

Kod Item	Item	Min	SP	Tahap	Aspek
----------	------	-----	----	-------	-------



	Saya...				
B1	mengenal fungsi tanda bacaan dalam al-Quran.	4.54	0.65	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B2	membaca al-Quran bersama rakan.	4.44	0.67	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B3	membaca surah tertentu sebelum tidur.	4.20	0.90	Tinggi	Strategi Hafazan
B4	membetulkan sebutan makhraj sebelum menghafaz al-Quran.	4.61	0.62	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B5	menjaga hukum-hukum tajwid dalam bacaan al-Quran.	4.48	0.69	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B6	membaca al-Quran dengan berlagu.	4.02	0.98	Tinggi	Strategi Hafazan
B7	membaca surah pilihan setiap hari.	3.80	0.99	Tinggi	Strategi Hafazan
B8	menghafaz al-Quran kerana minat.	4.32	0.91	Tinggi	Niat
B9	didorong oleh ibu bapa untuk menghafaz al-Quran.	4.04	1.16	Tinggi	Niat
B10	didorong oleh rakan-rakan untuk menghafaz al-Quran.	3.70	1.27	Tinggi	Niat
B11	menghafaz al-Quran kerana terpesona dengan keindahan bacaan al-Quran.	4.51	0.74	Sangat Tinggi	Niat
B12	meluangkan masa khusus untuk menghafaz al-Quran.	4.34	0.74	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B13	mengkhususkan waktu selepas solat subuh untuk menghafaz al-Quran.	4.39	0.77	Sangat Tinggi	Pengurusan Masa
B14	mengkhususkan waktu selepas solat maghrib untuk menghafaz al-Quran.	4.73	0.48	Sangat Tinggi	Pengurusan Masa
B15	mengkhususkan waktu selepas solat isya' untuk menghafaz al-Quran.	3.93	0.97	Tinggi	Pengurusan Masa
B16	mengkhususkan waktu selepas 1/3 malam untuk menghafaz al-Quran.	3.42	1.03	Sederhana	Amalan Murajaah
B17	memulakan hafazan ketika keadaan tenang.	4.49	0.75	Sangat Tinggi	Emosi
B18	menghafaz al-Quran di tempat yang sesuai.	4.65	0.65	Sangat Tinggi	Persekitaran Pembelajaran
B19	yakin tempat yang sesuai membantu menghafaz al-Quran.	4.65	0.65	Sangat Tinggi	Emosi
B20	mudah menghafaz di tempat yang sunyi dari gangguan.	4.50	0.88	Sangat Tinggi	Persekitaran Pembelajaran
B21	mudah menghafaz di tempat yang bising.	2.58	1.29	Sederhana	Tempat Hafazan
B22	memilih masjid/surau sebagai tempat untuk menghafaz al-Quran.	4.48	0.68	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B23	tahu murajaah penting untuk mengekalkan hafazan.	4.62	0.69	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B24	murajaah al-Quran dengan guru pada setiap hari mengikut jadual yang ditetapkan.	3.48	1.04	Sederhana	Amalan Murajaah

B25	murajaah al-Quran secara bersendirian mengikut masa yang saya aturkan sendiri.	3.88	0.97	Tinggi	Waktu Hafazan
B26	rasa berdosa jika tidak murajaah al-Quran setiap hari.	3.83	1.07	Tinggi	Spiritual
B27	memahami makna bagi setiap ayat untuk memudahkan proses murajaah al-Quran.	3.90	0.91	Tinggi	Strategi Hafazan
B28	menyediakan buku catatan khas sebagai semakan murajaah.	3.22	1.08	Sederhana	Pengukuhan Kendiri
B29	menandakan pada ayat al-Quran yang sering saya lupa semasa murajaah.	3.54	1.22	Tinggi	Strategi Hafazan
B30	mencari rakan untuk menyemak hafazan al-Quran.	4.40	0.93	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B31	membuat pembahagian ayat murajaah mengikut juzuk.	3.90	1.07	Tinggi	Strategi Hafazan
B32	membuat pembahagian ayat murajaah mengikut maqra'.	3.88	1.07	Tinggi	Strategi Hafazan
B33	membuat pembahagian ayat murajaah mengikut muka surat.	4.02	0.97	Tinggi	Strategi Hafazan
B34	murajaah al-Quran dalam solat tahajjud.	3.32	1.13	Sederhana	Pengukuhan Kendiri
B35	lebih selesa di masjid/surau untuk murajaah al-Quran berbanding di kelas.	4.23	0.86	Tinggi	Tempat Hafazan
B36	murajaah al-Quran pada bila-bila masa supaya lebih ingat hafazan.	3.87	0.94	Tinggi	Strategi Hafazan
B37	murajaah al-Quran di rumah supaya lebih ingat hafazan.	3.95	1.00	Tinggi	Strategi Hafazan
B38	mengambil wuduk sebelum memulakan sesi hafazan.	4.24	0.80	Tinggi	Strategi Hafazan
B39	niat kerana Allah untuk menghafaz al-Quran.	4.72	0.63	Sangat Tinggi	Niat
B40	membaca doa sebelum memulakan sesi hafazan.	4.69	0.61	Sangat Tinggi	Adab
B41	menghafaz al-Quran secara tartil.	4.46	0.66	Sangat Tinggi	Amalan Ibadah
B42	merujuk terjemahan tafsir.	4.32	0.79	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B43	merujuk guru tasmik.	4.54	0.64	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B44	merujuk sirah Nabi.	4.13	0.84	Tinggi	Strategi Hafazan
B45	merujuk asbab nuzul ayat.	4.12	0.81	Tinggi	Strategi Hafazan
B46	merujuk pengajaran ayat.	4.32	0.81	Sangat Tinggi	Strategi Hafazan
B47	membaca doa setelah tamat sesi menghafaz al-Quran.	4.40	0.83	Sangat Tinggi	Adab
B48	lebih menjaga bacaan tajwid selepas menghafaz al-Quran.	4.53	0.71	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B49	dapat meningkatkan daya ingatan selepas menghafaz al-Quran.	4.47	0.70	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B50	lebih memahami ayat al-Quran selepas menghafaz al-Quran.	4.40	0.73	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B51	lebih mudah memahami pelajaran lain setelah menghafaz al-Quran.	4.24	0.78	Tinggi	Kelebihan Hafazan
B52	berusaha menghayati makna ayat yang dihafaz.	4.38	0.76	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B53	menjadikan hafazan al-Quran sebagai amalan hidup saya.	4.54	0.68	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan



B54	dapat mengurus masa dengan lebih baik kerana rutin hafazan al-Quran.	4.30	0.78	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B55	lebih berdisiplin setelah menghafaz al-Quran.	4.41	0.73	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B56	lebih berakhlak baik dalam pergaulan setelah menghafaz al-Quran.	4.39	0.71	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B57	lebih bertanggungjawab setelah menghafaz al-Quran.	4.49	0.67	Sangat Tinggi	Kelebihan Hafazan
B58	lebih menghargai masa setelah menghafaz al-Quran.	4.54	0.63	Sangat Tinggi	Pengurusan Masa
B59	lebih menjaga masa setelah menghafaz al-Quran.	4.50	0.67	Sangat Tinggi	Pengurusan Masa
B60	berasa cinta kepada al-Quran setelah menghafaznya.	4.83	0.45	Sangat Tinggi	Emosi
B61	berasa lebih dekat dengan Allah setelah menghafaz al-Quran.	4.77	0.47	Sangat Tinggi	Emosi
B62	berasa tenang apabila membaca dan mendengar al-Quran.	4.89	0.41	Sangat Tinggi	Emosi
B63	berasa bersyukur kerana dapat menghafaz al-Quran.	4.94	0.24	Sangat Tinggi	Emosi
Jumlah		4.24	0.39	Tinggi	-

Seterusnya, dapatan turut menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi dari sudut niat, adab dan kesedaran ibadah dalam proses hafazan al-Quran. Pelajar menunjukkan tahap keikhlasan yang tinggi melalui niat menghafaz al-Quran kerana Allah iaitu pada item B39 ($M = 4.72$), di samping mengamalkan bacaan doa sebelum dan selepas sesi hafazan iaitu item B40 dan B47 ($M = 4.69$ dan 4.40). Kemudian, item B41 iaitu menghafaz secara tartil ($M = 4.46$) uga menunjukkan kesedaran ibadah yang tinggi dalam kalangan pelajar. Amalan-amalan ini menunjukkan bahawa pelajar memahami hafazan al-Quran sebagai satu bentuk ibadah yang memerlukan kesucian niat dan adab yang betul dan sempurna. Ini turut mencerminkan penghayatan al-Quran yang selari dengan prinsip Islam yang menekankan keseimbangan antara aspek zahir dan batin.

Di samping itu, analisis memperlihatkan tahap penghayatan yang tinggi berkaitan pengurusan masa, strategi hafazan dan persekitaran pembelajaran. Pelajar secara konsisten mengkhususkan waktu tertentu untuk hafazan seperti selepas solat Subuh dan Maghrib iaitu pada item B13 ($M = 4.39$) dan B14 ($M = 4.73$). Seterusnya, strategi hafazan dengan memulakan hafazan dalam keadaan tenang pada item B17 ($M = 4.49$), serta memilih persekitaran pembelajaran iaitu tempat yang sesuai dan sunyi daripada gangguan pada item B18 ($M = 4.65$) dan B20 ($M = 4.50$). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran untuk menilai faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan hafazan, di samping membuktikan keupayaan mereka mengurus masa dan persekitaran secara terancang sebagai sebahagian daripada proses penghayatan al-Quran.

Walau bagaimanapun, analisis turut mengenal pasti beberapa item yang berada pada tahap penghayatan al-Quran yang sederhana, khususnya melibatkan amalan murajaah lanjutan dan pengukuhan sendiri. Antaranya ialah bagi amalan murajaah lanjutan mendapati item B16 iaitu menghafaz al-Quran selepas satu pertiga malam ($M = 3.42$), Murajaah bersama guru setiap hari mengikut jadual ($M = 3.48$) iaitu pada item B24. Aspek pengukuhan sendiri pelajar iaitu menyediakan buku catatan khas murajaah ($M = 3.22$) pada item B28 serta item B34, murajaah dalam solat tahajjud ($M = 3.32$). Tahap sederhana ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar mempunyai kesedaran terhadap kepentingan amalan murajaah tersebut, pelaksanaannya masih belum konsisten. Ini juga disebabkan oleh faktor kekangan masa,

keletihan fizikal, tahap disiplin sendiri atau keutamaan terhadap rutin hafazan harian yang lebih asas dalam kalangan pelajar tahfiz.

Selain itu, dapatan kajian mendapati satu item yang mencatatkan tahap penghayatan yang rendah iaitu kebolehan menghafaz al-Quran di tempat yang bising ($M = 2.58$), pada item B21. Skor min yang rendah ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tahfiz menghadapi kesukaran untuk menumpukan perhatian dalam suasana yang tidak kondusif untuk menghafaz al-Quran. Ini juga menegaskan kepentingan persekitaran yang tenang dan terancang dalam menyokong proses hafazan pelajar-pelajar tahfiz. Dapatan ini bukan sahaja selari dengan kecenderungan pelajar untuk memilih tempat sunyi seperti masjid atau surau, malah mengesahkan peranan faktor luaran sebagai aspek sokongan penting dalam meningkatkan penghayatan al-Quran.

Berdasarkan skor min keseluruhan iaitu 4.24 dengan sisihan piawai 0.39, telah membuktikan bahawa tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab di SMA Nilai berada pada tahap tinggi. Skor sisihan piawai yang rendah menunjukkan tahap keseragaman yang baik dalam kalangan responden, menandakan bahawa penghayatan al-Quran bukan hanya terhad kepada kelompok tertentu, malah diamalkan secara meluas oleh kebanyakan pelajar tahfiz. Dapatan ini turut menunjukkan keberkesanan pendekatan pendidikan TMUA yang menekankan integrasi antara hafazan, penghayatan al-Quran, amalan rohani dan pembentukan sahsiah secara lebih mendalam.

Kesimpulannya, analisis deskriptif ini membuktikan bahawa pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) memiliki tahap penghayatan al-Quran yang tinggi dan mendalam, khususnya dari segi aspek spiritual, niat, pengurusan hafazan serta kesan positif terhadap sahsiah dan kehidupan seharian. Walaupun terdapat beberapa amalan lanjutan murajaah dan pengukuhan sendiri yang masih berada pada tahap sederhana, ia jelas menunjukkan keperluan dalam pengukuhan melalui bimbingan guru dan sokongan institusi tahfiz. Keseluruhan dapatan ini mengesahkan bahawa penghayatan al-Quran telah menjadi asas penting dalam pembentukan diri pelajar TMUA dan perlu diambil perhatian bagi melahirkan generasi huffaz yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia selaras dengan matlamat Pendidikan Tahfiz (Dasar Pendidikan Tahfiz Negara, 2021).

6.0 PERBINCANGAN KAJIAN

Analisis tahap penghayatan al-Quran menunjukkan bahawa pelajar TMUA secara umumnya berada pada tahap tinggi, khususnya dalam aspek emosi dan spiritual. Skor min yang tinggi bagi aspek emosi berkaitan rasa syukur, ketenangan jiwa, kecintaan kepada al-Quran dan kedekatan dengan Allah SWT menunjukkan bahawa penghayatan al-Quran telah mencapai tahap penghayatan nilai yang mendalam. Dapatan ini sejajar dengan kajian Noraini et al. (2019), Yusoff dan Mat Noor (2021) serta Khadijah dan Zulkifli (2024) yang mendapati bahawa penghayatan al-Quran yang sebenar tercermin melalui perubahan emosi, spiritual dan makna hidup seseorang pelajar. Dalam kajian kuantitatif yang dijalankan oleh Noraini et al. (2019) terhadap pelajar tahfiz di Malaysia, analisis skor min menunjukkan tahap penghayatan emosi dan spiritual berada pada tahap tinggi, sekali gus membuktikan bahawa interaksi berterusan dengan al-Quran memberi kesan positif terhadap pembentukan jiwa dan ketenangan dalaman pelajar. Dapatan yang hampir sama turut dilaporkan oleh Yusoff dan Mat Noor (2021) yang mendapati dimensi spiritual dalam penghayatan al-Quran mencatatkan skor min tertinggi berbanding dimensi lain dalam kalangan pelajar tahfiz. Sementara itu, kajian Khadijah dan Zulkifli (2024) melalui analisis statistik deskriptif turut menunjukkan bahawa majoriti responden berada pada tahap penghayatan yang tinggi khususnya dalam aspek kecintaan terhadap al-Quran dan hubungan spiritual dengan Allah SWT.

Selain itu, aspek niat, adab dan amalan ibadah dalam proses hafazan turut mencatatkan tahap penghayatan yang sangat tinggi. Amalan seperti niat menghafaz kerana Allah, membaca doa sebelum dan selepas hafazan serta menghafaz secara tartil membuktikan bahawa pelajar tahfiz TMUA memahami hafazan sebagai ibadah yang memerlukan keikhlasan niat dan disiplin rohani. Dapatan ini selari dengan hasil kajian Hamzah et al. (2020) dan Latifah et al. (2023) yang menegaskan bahawa aspek niat dan adab merupakan teras utama kepada peningkatan penghayatan al-Quran yang berterusan dan berkesan. Kajian kuantitatif oleh Hamzah et al. (2020) mendapati bahawa item berkaitan keikhlasan niat dan adab ketika membaca al-Quran memperoleh skor min yang tinggi dalam kalangan pelajar tahfiz, sekali gus menunjukkan bahawa dimensi spiritual dan ibadah memainkan peranan penting dalam memperkukuh penghayatan al-Quran. Begitu juga dengan kajian Latifah et al. (2023) yang mendapati bahawa amalan ibadah yang konsisten semasa proses hafazan mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap penghayatan al-Quran pelajar, sekali gus menyokong kepentingan integrasi antara hafazan, ibadah dan pembinaan sahsiah.



Walau bagaimanapun, kajian ini turut mendapati beberapa amalan lanjutan seperti murajaah secara berstruktur, penyediaan buku catatan khas murajaah dan waktu hafazan pada waktu malam berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun pelajar memiliki kesedaran terhadap kepentingan murajaah, pelaksanaannya masih memerlukan pengukuhan yang lebih optimum. Fenomena ini turut dilaporkan oleh Zainal dan Omar (2019), Sulaiman et al. (2021) serta Husni Laili et al. (2025) yang mendapati faktor kekangan masa, keletihan fizikal dan jadual akademik mempengaruhi konsistensi amalan murajaah pelajar tahfiz. Kajian Zainal dan Omar (2019) mendapati bahawa walaupun pelajar menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pengulangan hafazan, tahap amalan murajaah yang sistematik berada pada tahap sederhana berdasarkan analisis skor min. Dapatan ini disokong oleh Sulaiman et al. (2021) yang melaporkan bahawa kekangan jadual pembelajaran akademik dan aktiviti harian menyebabkan pelajar sukar mengekalkan konsistensi murajaah secara berjadual.

Selain itu, kajian terkini oleh Husni Laili et al. (2025) turut menunjukkan bahawa faktor pengurusan masa dan tahap keletihan pelajar mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pelaksanaan murajaah, sekali gus mencadangkan keperluan kepada sistem pemantauan dan strategi pengurusan hafazan yang lebih tersusun bagi memastikan kesinambungan penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz. Dari sudut implikasi, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan pendidikan TMUA yang mengintegrasikan hafazan, akademik dan pembentukan sahsiah telah berjaya melahirkan pelajar yang mempunyai tahap penghayatan al-Quran yang tinggi dan seimbang. Namun begitu, kajian ini mempunyai batasan kerana menggunakan reka bentuk kajian rentas masa, justeru tidak dapat menelusuri perubahan dan perkembangan penghayatan al-Quran pelajar secara berperingkat dari semasa ke semasa. Kajian longitudinal dicadangkan bagi menilai trajektori perkembangan penghayatan al-Quran sepanjang tempoh pengajian pelajar, selaras dengan saranan Ismail et al. (2021) dan Husni Laili et al. (2025).

Ringkasnya, hasil kajian rintis ini membuktikan bahawa pelajar Tahfiz Model Ulul Albab memiliki tahap penghayatan al-Quran yang tinggi, disokong oleh latar demografi yang kondusif, instrumen pengukuran yang sah dan boleh dipercayai, serta amalan hafazan yang konsisten dan berteraskan nilai rohani. Walaupun terdapat ruang penambahbaikan dalam aspek murajaah lanjutan, keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa penghayatan al-Quran telah menjadi teras utama dalam pembentukan sahsiah, disiplin dan kehidupan seharian pelajar TMUA di SMA Nilai, sejajar dengan aspirasi pendidikan tahfiz holistik di Malaysia.

7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian tahap penghayatan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA, didapati bahawa walaupun pelajar menunjukkan kebolehan membaca al-Quran dengan lancar, tahap penghayatan dan pemahaman makna ayat masih berada pada tahap sederhana. Pelaksanaan kurikulum yang menekankan kelancaran bacaan berbanding penerokaan makna ayat turut menyumbang kepada kekangan masa untuk memahami kandungan al-Quran secara mendalam. Selain itu, faktor kualiti hafazan terbukti memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah pelajar, dengan keseimbangan antara hafazan dan penghayatan al-Quran menjadi penentu kecemerlangan seorang pelajar tahfiz. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan keperluan pendekatan pembelajaran yang bukan sahaja menumpukan kepada kelancaran bacaan, namun turut memberi penekanan kepada penghayatan nilai-nilai al-Quran yang lebih mendalam dalam kalangan pelajar tahfiz TMUA.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada a pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas tajaan dana FRGS/1/2024/SSI03/KUIS/03/1, Universiti Islam Selangor (UIS).

RUJUKAN

- Abang Mohd. Razif Abang Muis, Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Irma Wani Othman, Saifulazry Mokhtar, Romzi Ationg & Mohd Kamal Mohd Shah. (2021). *Elemen Sepunya Kepemimpinan dan Kepengikutan dalam Pembangunan Insan Berteraskan Islam*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 6(38), 119-134.
- Abdul Hanis Embong, Mohd Faiz Mohd Yasin & Maziah Ghazaly. (2021). *Keberkesanan Modul Ulul Albab Secara Atas Talian: Satu Kajian di Universiti Malaysia Terengganu*. Firdaus Journal, 1(1), 93-102.
- Abdul Rahman, A., & Ismail, S. (2019). *Pengaruh Persekitaran Pendidikan Terhadap Disiplin dan Komitmen Pelajar Tahfiz*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- A'dawiyah Ismail & Siti Najihah Mansor. (2021). *Teknik Komunikasi Ibu dalam Pembentukan Sahsiah Anak-anak Menurut Islam*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 4(3), 131-144.
- Ahmad Nazrin Bin Ab Aziz, Khairul Azwan Bin Padzil & Abdul Fattah Bin Hamden. (2024). *Pembangunan Pelajar Melalui Aktiviti Kerohanian: Kajian Kes di Politeknik Metro Betong Sarawak*. Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR), 7(23), 1-11.
- Ashif Az Zafi. (2020). *Pemahaman dan Penghayatan Peserta Didik tentang Ibadah dalam Pembelajaran Fiqih di MI Manafiul Ulum Gebog Kudus*. Elementary, 6(1), 47-58.
- Awang Japilan, N. H, Muhammad, N & Saili J. (2024). *Analisis Kritikal Evolusi Pendekatan Pedagogi Terbeza Dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran: Satu Tinjauan Literatur*. Quantum Journal of Social Sciences and Humanities, 5(4), 236-250.
- Azman, N., Mohd Yusof, R., & Rahim, F. (2021). *Peranan Sokongan Institusi Dalam Pembentukan Penghayatan al-Quran di Kalangan Pelajar Tahfiz*. Journal of Islamic Education Studies, 5(2), 45–60.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences (3rd ed.)*. New York, NY: Routledge.
- Dg Norizah Ag Kiflee@Dzulkifli, Roslee Bin Talip, Tan Choon Keong, Soon Singh A/L Bikar Singh, Lee Bih Ni, Rosy Talin & Mad Noor B. Madjapuni. (2021). *Pengaruh Pembangunan Penerapan Nilai dalam Pendidikan Abad Ke 21 Terhadap Pembentukan Sahsiah Murid Sekolah Kurang Murid (SKM) Luar Bandar di Sabah*. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(1), 119-127.
- Fakhrudin, F. M., Che Ishak, S., & Asmawati, S. (2020). *Proses dan Kaedah Pembelajaran Tahfiz dalam Kalangan Murid di Sekolah Menengah Agama Kerajaan di Malaysia*. Malaysian Journal of Learning and Instruction, 17(2), 311-340.
- Fatin Faqeriah Hamsah, Termimi Hidayat Mahyan & Farah Hanan Abu Bakar. (2022). *Kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dalam Pembentukan Sahsiah Berkualiti: Satu Kajian Di Politeknik Mukah*. Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial, 8(1), 369-382.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2009). *How To Design and Evaluate Research in Education (7th ed.)*. McGraw-Hill Higher Education.
- Halim, M., Zulkifli, R., & Salleh, A. (2022). *Pengaruh Konsistensi Hafazan Terhadap Penghayatan al-Quran di Sekolah Tahfiz*. International Journal of Quranic Education, 4(1), 23–37.
- Hamsah, M., Abu Bakar, N., & Ahmad, H. (2024). *Kurikulum Pengajian Islam dan Pendidikan Moral dalam Pembentukan Sahsiah Berkualiti: Satu Kajian di Politeknik Mukah*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan Tinggi, 5(2), 123-134.
- Hamzah, N., Latifah, S., & Yusoff, M. (2020). *Dimensi Niat dan Adab dalam Penghayatan al-Quran Pelajar Tahfiz*. Malaysian Journal of Islamic Studies, 7(3), 12–27.
- Hasbullah Mat Daud, Ahmad Yussuf & Fakhrul Adabi Abdul Kadir. (2020). *Pembentukan Akhlak dan Sahsiah Pelajar Melalui Pembelajaran Sosial Menurut Perspektif Islam*. Journal of Science and Humanities, 17(9), 75-89.
- Husni Laili, A., Omar, K., & Zainal, H. (2025). *Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Konsistensi Murajaah Pelajar Tahfiz*. Journal of Educational Research and Practice, 10(1), 55–72.
- Ismail, A., Rahman, M., & Ali, K. (2022). *Tahap Kefahaman Mahasiswa di Negeri Selangor Terhadap Isu dalam Ilmu Perbandingan Agama*. Jurnal Pendidikan dan Sosial, 8(4), 340-355.
- Ismail, R., Sulaiman, N., & Rahman, F. (2021). *Kajian Longitudinal dalam Perkembangan Penghayatan al-Quran*. Malaysian Journal of Educational Research, 8(2), 33–49.



- Khadijah Yusop, Mohd Fauzi Abdul Hamid & Mohd Firdaus Yahaya. (2024). *Analisis Keperluan Pembangunan Modul Infografik Fleksi al-Quran*. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 7(1), 53-67.
- Khadijah, M., & Zulkifli, R. (2024). *Penghayatan al-Quran Melalui Dimensi Emosi Dan Spiritual Pelajar Tahfiz*. Journal of Islamic Education Research, 6(2), 70–85.
- Latifah, M. S., Abdullah, N., & Yusof, R. (2023). *Amalan Ibadah Dalam Proses Hafazan Al-Quran dan Hubungannya dengan Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz*. Jurnal Pendidikan Islam Kontemporari, 11(2), 102–118.
- Mariam Abd Majid, Nurzatil Ismah Azizan, Abur Hamdi Usman, Noor Hafizah Haridi, Noraini Mohamad, Zainab Ismail & Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2023). *Pembangunan Jati Diri Insan Menurut Perspektif Hadis*. Hadith and Aqidah Research Institute (INHAD), 13(26), 38-50.
- Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Khairani Kaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon, Mariani Abd. Majid, Mohd Izwan Mahmud, Hafizatul Akmal Abd. Jalil & Aisyah Humairak Abdul Rahman. (2024). *Elemen Pembangunan Jati Diri Remaja di Pusat Pemulihan Akhlak Menurut Perspektif Islam*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 8(1), 241-252.
- Mariam Abd Majid, Aisyah Humairak Abdul Rahman, Nurzatil Ismah Azizan, Noor Hafizah Mohd Haridi, Noraini Mohamad, Abur Hamdi Usman & Zainab Ismail. (2023). *Elemen Sokongan Pelaksanaan Program Pembangunan Jati Diri Remaja Delinkuen di Institusi Pemulihan Akhlak*. E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi, 10(2), 1-21.
- Mohd Muqrie Mohd Sopi & Siti Jamiaah Abdul Jalil. (2022). *Dakwah Melalui Pendekatan Usrah Terhadap Pembangunan Insan Mahasiswa*. Al-Hikmah, 14(1), 53-69.
- Mohd Khir Johari Abas, Md Noor Saper & Nurul Ain Mohd Daud. (2024). *Cabaran Amalan Kaunseling Islam Dalam Kalangan Kaunselor Muslim di Sekolah*. Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education, 8(1), 209-218.
- Mohd Syaubari Bin Othman, Abu Bakar Yusuf, Hasrul Hosshan & Abdul Talib Mohamad Hashim. (2023). *Penghayatan Dakwah Akhlak di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Perak*. Jurnal Yadim, 3(1), 121-136.
- Muhamad Hafiz Muhamad Haneefa, Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Sabri Mohamad & Mohd Faizulamri Mohd Saad. (2023). *Tinjauan Model dan Kurikulum Tahfiz di Negeri Selangor*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 9(1), 117-125.
- Muhamad Nasir Mohamad Salleh, Zaharah Hussin & Mohd Faisal Mohamed. (2020). *Analisis Keperluan Pembangunan Model Pengajaran Taranum Al-Quran: Satu Kajian Penerokaan*. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 8(3), 27-38.
- Muhammad Yusry Affandy Md Isa. (2020). *Sumbangan Dato' Dr. Haron Din Terhadap Penghayatan al-Quran*. Journal of Ma'alim al-Quran wa al-Sunnah, 16, 31-44.
- Musa, H., Zakaria, M., & Ismail, N. (2024). *Kokurikulum dan Sahsiah Pelajar: Peranan dan Hubungan Antara Keduanya*. International Journal of Educational Psychology, 12(1), 45-60.
- Noraini, I., Ahmad, S., & Mohd Noor, H. (2019). *Penghayatan al-Quran dan Pembangunan Makna Hidup Pelajar Tahfiz*. Journal of Islamic Studies and Education, 4(3), 101–118.
- Nurul Hafni Irdina Binti Azri, Nurul Farhana Binti Mohd Azmi & Syed Najihuddin Bin Syed Hassan. (2023). *Penguasaan Amalan Murajaah Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM*. Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC), 6(11), 132-145.
- Nur Syazwani Othmani, Mahfuzah Mohammed Zabidi, Ahmad Fakhurrizi Mohammed Zabidi & Norhapizah Mohd Burhani. (2024). *Penghayatan Konsep Ihsan dalam Pendidikan Berdasarkan Kitab Ihya' 'Ulumuddin*. Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies, 33(3), 156-164.
- Nurul Huda Mohammad & Noor Syahidah Mohamad Akhir. (2023). *Kepelbagaian Pengurusan, Potensi dan Cabaran Institusi Tahfiz di Malaysia*. Asian People Journal, 6(1), 36-52.

- Rahman, F., Syuhada, R., & Latif, A. (2024). *Kesahan Dan Kebolehppercayaan Instrumen dalam Pengukuran Dalam Penghayatan al-Quran*. *International Journal of Educational Measurement*, 5(1), 15–29.
- Rohana Zakaria, Noorhafizah Mohd Haridi, Mardhiah Yahaya, Shaharuddin Pangilun, & Hayati Husin. (2020). Penerapan elemen tadabbur al-Quran dalam kalangan pelajar Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS). *Jurnal Pengajian Islam*, 13(2), 97–107. <https://doi.org/10.53840/jpi.v13i2.47>
- Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang, & Syamim Zakwan Rosman. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415–424. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v5i2.95>
- Sulaiman, N., Zainal, H., & Omar, K. (2021). Kekangan Masa dan Konsistensi Murajaah Pelajar Tahfiz. *Journal of Quranic Studies*, 3(2), 40–55.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar @ Johari Mastor & Izuli Dzulkifli. (2021). *Pelaksanaan Amalan Sunat dan Hubungannya Dengan Kecemerlangan Sahsiah Pelajar Tahfiz di Selangor*. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(1), 77-90.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Mastor, K. A., & Kasan, H. (2022). Penghayatan agama sebagai pengantara antara hubungan kecemerlangan hafazan dan sahsiah pelajar tahfiz. *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 14(2), 15–34. <https://doi.org/10.17576/JH-2022-1402-02>
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor & Hasnan Kasan. (2022). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 259-271.
- Zainal, H., & Omar, K. (2019). *Amalan Murajaah Lanjutan dalam Pendidikan Tahfiz*. *Malaysian Journal of Quranic Education*, 2(1), 21–35.
- Zulkifli, R., & Salleh, M. (2020). *Konsistensi Amalan Hafazan dan Penghayatan al-Quran Pelajar*. *Journal of Islamic Pedagogy*, 4(1), 11–28.
- Yusoff, M., & Mat Noor, N. (2021). *Internalisasi Nilai al-Quran dalam Pembentukan Sahsiah Pelajar Tahfiz*. *Journal of Spiritual Education*, 3(1), 56–70